

18 APR 1997

Aidiladha (Rangkuman)

AIDILADHA DISAMBUT SEDERHANA DI SELURUH NEGARA

KUALA LUMPUR, 18 April (Bernama) - Umat Islam di seluruh negara hari ini menyambut Aidiladha dalam suasana sederhana.

Sejak awal petang semalam, masyarakat Islam di ibu negara mula pulang ke kampung halaman masing-masing bagi menyambut Aidiladha bersama keluarga dan sanak-saudara mereka.

Pagi ini, umat Islam di seluruh negara berkumpul di masjid untuk menunaikan solat sunat Aidiladha serta melawat saudara mara.

Aidiladha kali ini disambut pada hari Jumaat iaitu penghulu bagi sekalian hari dan dengan itu seluruh umat Islam akan kembali memenuhi masjid pada petang ini untuk menunaikan solat Jumaat.

Beribu-ribu ekor lembu, kambing dan kerbau dikorbankan di masjid-masjid dan surau seluruh negara sempena Aidiladha yang juga dikenali sebagai Hari Raya Korban ataupun Hari Raya Haji.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali merayakan Aidiladha di Kedah seperti tahun-tahun yang lepas.

Mereka mengadakan rumah terbuka di dewan Jitra, Alor Setar.

Di PERLIS, sambutan Aidiladha disambut sederhana tetapi meriah meskipun tiada pemimpin yang mengadakan rumah terbuka.

Selepas menunaikan sembahyang sunat Aidiladha di masjid-masjid dan surau, umat Islam mengambil kesempatan merapatkan hubungan kekeluargaan dan persaudaraan melalui tradisi kunjung-mengunjung.

Raja dan Raja Perempuan Perlis tidak menyambut Aidiladha bersama rakyat jelata hari ini kerana berada di luar Perlis manakala Menteri Besar, Datuk Seri Shahidan Kassim menunaikan ibadah Haji.

Di PEKAN, Sultan Pahang berangkat menunaikan sembahyang sunat Aidiladha di Masjid Sultan Ahmad, Pekan.

Menteri Besar Tan Sri Khalil Yaakob pula bersembahyang di Masjid Lepar Hilir Dua, Kuantan.

Sementara itu, lapan ekor lembu dikorbankan di Masjid Sultan Ahmad Satu di Kuantan anjuran Majlis Kebajikan dan Sukan Anggota Kerajaan Pahang (MAKSAK). Ibadat yang serupa juga diadakan di masjid-masjid lain seluruh negeri selepas selesai sembahyang.

Di KOTA BAHARU, Sultan Kelantan dan Raja Perempuan hari ini menunaikan solat sunat Aidiladha di Masjid Muhammadi di sini bersama 3,000 orang rakyat termasuk beberapa pemimpin tempatan dan pegawai-pegawai tinggi kerajaan.

Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat pula menunaikan solat itu di Masjid Pulau Melaka iaitu berhampiran rumahnya bersama-sama kira-kira 1,500 umat Islam.

Menteri Pembangunan Luar Bandar Datuk Annuar Musa menunaikan solat bersama Rejimen Askar Melayu Diraja, di Kem Desa Pahlawan dekat sini.

Sementara itu, Menteri Pembangunan Usahawan Datuk Mustapa Mohamed mengadakan rumah terbuka dan majlis korban esok antara pukul 12 tengah hari dan 6 petang di rumahnya di Batu 11, Kemahang, Jeli.

DI SELANGOR, Sultan Selangor menunaikan sembahyang Sunat Aidiladha bersama Umat Islam termasuk Exco-exco Kerajaan Negeri di Masjid Bandar, Banting manakala di Shah Alam Raja Muda Selangor menunaikan sembahyang Aidiladha bersama beribu-ribu Umat Islam.

Sultan Selangor kemudian berangkat ke Istana Pantai Bahagia, Morib untuk menyempurnakan majlis korban dan satu majlis mengadap juga akan di

adakan di Istana Pantai Bahagia dari pukul 10 pagi hingga 12 tengah hari.

Sementara itu bekas Menteri Besar Selangor, Tan Sri Muhammad Haji Muhamad Taib menunaikan sembahyang Sunat Aidiladha bersama penduduk kawasannya di Batang Kali.

Di SERI MENANTI, Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar hari ini menunaikan sembahyang sunat Aidiladha bersama kira-kira 500 rakyat jelata di Masjid Tuanku Munawir di sini. Raja Permaisuri Agong Tuanku Najihah tidak dapat menyertai Tuanku Ja'afar kerana masih berada di tanah suci mengerjakan umrah.

Turut sama ialah Tunku Muda Serting Tunku Imran, kerabat diraja serta pegawai kanan Kerajaan Negeri.

Baginda kemudian menghadiri majlis tahlil di makam diraja di kawasan berhampiran sebelum berkenan menghadiri jamuan teh bersama rakyat di Istana Besar Seri Menanti.

Sementara itu, Menteri Besar Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad dan isteri Puan Sri Hazizah Tumin mengadakan majlis rumah terbuka sempena Aidiladha di kediaman mereka di Kampung Baru Si Rusa di sini.

Di KUCHING, Aidiladha disambut secara sederhana dengan rumah terbuka diadakan untuk kalangan saudara-mara sahaja.

Kemeriahan begitu terasa sekali di kampung-kampung berbanding di kawasan bandar kerana kebanyakan warga kota mengambil kesempatan cuti panjang tiga hari untuk pulang ke kampung halaman masing-masing ataupun ke kawasan peranginan terdekat iaitu Santubong.

Di KUALA LUMPUR beribu-ribu umat Islam menunaikan sembahyang sunat Aidiladha di Masjid Negara dan masjid-masjid utama yang lain di sekitar bandaraya.

Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin membaca khutbah di Masjid Negara.

Beratus-ratus ekor lembu akan disembelih sempena sambutan hari raya korban hari ini di masjid dan surau di sekitar Kuala Lumpur termasuk Masjid Jamek, Kampung Baru dan Masjid Azzubir Ibn Awwam di Cheras.

Di MELAKA, Ketua Menteri Datuk Seri Mohd Zin Abdul Ghani menunaikan solat sunat Aidiladha di Masjid Melekek, Alor Gajah.

Timbalan Menteri Pengangkutan Datuk Mohd Ali Rustam pula menunaikan solat di Masjid Bukit Katil sebelum menyertai majlis korban sebanyak 20 ekor lembu anjuran Umno Kelebang Besar.

Di Masjid Al Adzim, majlis korban sebanyak 18 ekor lembu yang dijadualkan hari ini ditunda esok.

Tiada pemimpin negeri yang mengadakan rumah terbuka pada perayaan kali ini.

Di KUALA TERENGGANU, Yang DiPertuan Muda Terengganu menunaikan sembahyang sunat Aidiladha bersama kira-kira 5,000 umat Islam di Masjid Abidin di sini, hari ini.

Menteri Besar, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad, anggota-anggota Exco dan pegawai-pegawai kerajaan turut bersembahyang di masjid itu. Suasana sambutan Aidiladha agak meriah ditambah dengan keadaan cuaca yang panas dan baik.

Sebagaimana biasa, masyarakat beragama lain mengunjung rumah rakan-rakan mereka yang beragama Islam.

Di KOTA KINABALU, sambutan Aidiladha dimulakan dengan lebih 5,000 umat Islam menunaikan solat Aidiladha di masjid negeri di sini yang turut dihadiri Mufti Negeri Datuk Ismail Abas.

Suasana di ibu negeri juga kelihatan agak lengang apabila warga kota mengambil kesempatan untuk pulang ke kampung bagi merayakan Aidiladha bersama sanak-saudara masing-masing.

Pemimpin-pemimpin kerajaan negeri yang beragama Islam pula menyambut aidiladha bersama penduduk di kawasan masing-masing.

Di PULAU PINANG, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim bersembahyang sunat Aidiladha bersama-sama kira-kira 500 jemaah di Masjid Cherok To'kun, di Permatang Pauh.

Dalam khutbahnya selepas itu, Anwar berkata umat Islam hendaklah mengamalkan semangat berkorban yang sebenar untuk membetulkan pelbagai kepincangan yang melanda masyarakat dan negara masakini.

"Ini bermakna, setiap perubahan turut memerlukan pengorbanan dan ia mesti bermula dari diri kita sendiri dan bukan daripada orang lain," dan umat Islam tidak boleh lari daripada semangat berkorban yang dituntut oleh Islam dan bukan sekadar berkorban binatang sahaja.

Sementara itu, di Masjid Negeri di sini, Yang Dipertua Negeri Tun Hamdan Sheikh Tahir bersembahyang sunat Aidiladha bersama-sama kira-kira 1,000 orang jemaah.

Selepas bersembahyang, beberapa jemaah bersama-sama menyempurnakan ibadat korban dengan menyembelih seekor lembu untuk disedekahkan kepada mereka yang miskin dan kurang bernasib baik.

Sebanyak enam ekor lagi lembu akan dikorban di masjid berkenaan esok, kata penyelaras penyembelihan, Ustaz Husain Ismail, yang juga bilal masjid berkenaan.

Di JOHOR BAHRU, Sultan Johor turut berangkat menunaikan solat sunat Aidiladha di Masjid Pasir Pelangi di sini bersama kira-kira 1,000 orang jemaah.

Turut bersama baginda pada majlis itu ialah Tengku Mahkota Johor, Tunku Ibrahim, Menteri Besar Johor Datuk Abdul Ghani Othman, Exco dan pegawai kerajaan negeri.

Di masjid-masjid di seluruh negeri pula, upacara penyembelihan korban terutama lembu dan kambing diadakan sempena perayaan itu.

Sementara itu di IPOH Sultan Perak Sultan Azlan Shah telah berangkat menunaikan sembahyang raya di masjid negeri di sini, pagi ini.

Turut hadir bersama ialah Menteri Besar Perak Tan Sri Ramli Ngah Talib dan pegawai-pegawai kerajaan.

Sambutan hari raya Aidiladha di sambut sederhana dengan beberapa masjid mengadakan majlis korban. Terdapat juga mereka yang menggunakan cuti panjang hujung minggu untuk menziarah kaum keluarga yang jauh memandangkan esok adalah cuti umum di negeri itu sempena hari Keputeraan Sultan Perak.

-- BERNAMA

Team PR